

17/01/1998

Karya seni serantau di BSLN

Jamudin Idris

JIKA seseorang ingin mengetahui keadaan sesebuah negara, mereka tentunya merujuk kepada karya seni. Karya lukisan misalnya, sudah sekian lama menjadi perakam sejarah yang setia.

Biasanya ekspresi yang dipindahkan pelukis ke kanvas, tentunya berdasarkan keadaan sosial yang berlaku di sekeliling mereka.

Inilah kesan yang menarik pada pameran lukisan Asean Masterworks yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur, kerana ia memberikan cerita daripada sentuhan pelukis terkenal dari rumpun Asean.

Karya yang dipamerkan menunjukkan kepelbagaian citarasa dan perspektif pelukis veteran dari sembilan negara anggota Asean. Ia jelas mencerminkan kesinambungan persamaan di antara pelukis Asean dalam penghasilan karya dan idea.

Pameran ini begitu besar maknanya kerana pertama kali Asean Masterworks diadakan.

Jika merujuk kepada tajuknya Asean Masterworks, tentunya ramai beranggapan ia pameran karya agung tetapi hakikatnya tidak begitu, kerana lukisan yang diperagakan rasanya belum boleh digolongkan sebagai karya agung, tetapi koleksi pelukis terkenal di rantau Asean.

Ini kerana selain nama besar pelukis terkenal, karya pelukis angkatan baru juga turut serta dalam pameran yang sangat besar maknanya itu.

Pameran Asean Masterworks dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Balai Seni Lukis Negara petang kelmarin. Ia membabitkan 60 lukisan yang dihasilkan 60 artis, berlangsung dari 15 Januari hingga 7 Februari.

Sebelum ini pameran yang serupa diadakan di Palace of the Golden Horses, Mines Resort dari 14 hingga 16 Disember, sempena Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Kedua yang lalu yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Difahamkan, karya yang dipamerkan dipilih Valentine Willie dan Karim Raslan hasil penelitian mereka di negara Asean.

Karim menggariskan enam tema dan unsur dalam karya pelukis Asean seperti unsur keagamaan, figuratif dan abstrak, kedaerahan dan identiti, modenisme, akademik dan kejutan zaman pembaharuan.

Unsur pegangan keagamaan berperanan penting dalam penghasilan karya negara Asean. Pelukis banyak meluangkan masa, tenaga dan pemikiran dalam usaha untuk menyampaikan ketaatan serta perasaan melalui lukisan.

Dengan mengenengahkan pelbagai teknik mereka menghasilkan karya yang menjurus kepada lambang keagamaan yang simbolik.

Figuratif pula nampaknya menarik minat pelukis Vietnam. Nguyen Sang melalui Potrait of Mrs Lim, manakala Vincente Manansala melalui Kahag adalah lakaran unsur kedaerahan melalui dua lelaki yang sedang berlaga ayam.

Bagi pelukis yang berpendidikan formal dari Barat, membawa pengaruh besar dalam penghasilan karya seni. Karya ini lebih menggambarkan pengaruh romantisme seni tradisi Barat.

Selain Affandi dengan karya Man With Fighting Cock, rakan senegarannya Hendra Gunawan merakamkan Gerilya Berbelanja, untuk menggambarkan keadaan di negara itu pada tahun 1950-an.

Anwar dalam ucapannya berkata, mengamati karya utama pelukis terkemuka Asean bermakna semua pihak berusaha menyelami jiwa dan semangat Asean.

Sememangnya semangat Asean belum jelas. Kita berusaha dan merangsang

untuk meningkatkan kerjasama serantau tetapi masih mencari jiwa yang sepatutnya menjadi pendorong kepada kerjasama itu.

Anwar berkata, kegawatan ekonomi yang melanda rantau Asean sekarang, tidak harus menjejaskan kegiatan seni dan kebudayaan. Kehidupan masyarakat, budaya dan seni harus berjalan seperti biasa.

(END)